

1946 **71** 2017

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 2017

5-9 DISEMBER 2017, DEWAN MERDEKA PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), KUALA LUMPUR



7 Usul Ekonomi

Info

→ **Mendokong dasar** Transformasi Nasional 2050 (TN50) sebagai usaha mensiapiagakan kaum Bumiputera.
→ **Menyokong inisiatif kerajaan** untuk

memperlempangkan belia dan usahawan dengan pengetahuan Revolusi Industri 4.0 dan ekonomi digital

→ **Mencadangkan kepada kerajaan** supaya garis panduan Transformasi Kesejahteraan

Bumiputera (TKB) dijadikan dasar oleh semua syarikat besar termasuk GLC

→ **Menyelaras semua agensi kerajaan** yang terbabit dengan perumahan mampu milik seperti KPKT, PR1MA, PPA1M, SPNB dan

lain-lain untuk menyelesaikan isu perumahan secara total dan holistik

→ **Menangani kos sara hidup** yang terus meningkat dan menghimpit kehidupan rakyat
→ **Mendesak kerajaan**

menwujudkan ekosistem perniagaan yang bersangkutan dengan pengangkutan awam

→ **Mencadangkan Bajet 2018 menjadi asas** kepada manifesto Barisan Nasional untuk Pilihan Raya Umum Ke-14

Syor harga rumah mampu milik tak lebih RM250,000

→ Langkah bantu rakyat terutama Bumiputera miliki kediaman

Kuala Lumpur

Harga siling rumah mampu milik yang dibangunkan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dicadangkan tidak melebihi RM250,000 bagi membolehkan lebih ramai rakyat terutama Bumiputera memiliki kediaman.

ia antara tujuh perkara dalam usul ekonomi yang dicadangkan oleh wakil Perak, Datuk Ahmad Shalimin Ahmad Shaffie, pada Perhimpunan Agung UMNO (PAU) 2017, semalam.

Berucap membentangkan cadangan usul terbabit, Ketua UMNO Bahagian Taiping itu berkata kebanyakan rumah mampu milik yang dibina Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Perumahan Rakyat Malaysia (PR1MA), Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPA1M), Syarikat Perumahan

Negara Bhd (SPNB) dan UDA Holdings Bhd berharga lebih RM250,000, sekali gus tidak mampu dimiliki Bumiputera.

Katanya, GLC berkenaan membina rumah yang kebanyakannya di atas tanah yang dikenalkan premium rendah, tetapi menjualnya pada harga melebihi RM250,000.

Berdepan kemarahan rakyat

"Ini menyebabkan lebih ramai (rakyat) yang mampu marah, mampu bendi dan mampu tolak kerajaan yang mentadbir hari ini. Ini hakikat. Apabila soal pemilikan rumah menjadi permasalahan besar, akhirnya ia akan membentuk masyarakat yang meletakkan kesalahan dan mencari-cari kesalahan kerajaan.

"Ditambah dengan percikan api (hasutan) pembangkang, ia akan meletakkan kerajaan yang tidak pernah jenuh memikirkan soal ke-

sejahteraan rakyat, berdepan dengan kemarahan rakyat.

"Di samping itu, pembinaan rumah melebihi paras kemampuan hanya akan menyebabkan perubahan demografi politik, apabila pemilikan hartanah tidak seimbang daripada komposisi kaumnya," katanya.

Ahmad Shalimin berkata, cadangan penetapan harga siling itu berdasarkan kepada pengalaman di Perak apabila kerajaan negeri menurunkan harga siling rumah mampu milik kepada RM250,000.

Katanya, cadangan menurunkan harga siling rumah mampu milik di bawah RM250,000 akan memberi ruang lebih luas kepada PR1MA menjadi peneraju usaha itu khususnya di luar Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang.

"Inisiatif ini boleh dilaksanakan dan terbukti Bumiputera beroleh manfaatnya. Perumahan D'Am-

Meru Raya sebagai contoh yang dibangunkan oleh Kumpulan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak di tengah-tengah kawasan pertumbuhan Meru Raya, Ipoh, yang dijual pada harga RM145,000 menyaksikan lebih 400 unit terjual dengan 90 peratus adalah pembeli Bumiputera.

"Begitu juga dengan projek perumahan Bandar Baru Setia Awan di Manjung yang juga dilaksanakan oleh PKNP dengan harga jualan RM150,000 menyaksikan semua 1,000 unit dibeli oleh pembeli Bumiputera.

"Ini menunjukkan pada harga yang benar-benar mampu milik, Bumiputera tidak akan ketinggalan dan mereka mampu untuk membeli dan memiliki. Ini sudah pasti dapat meningkatkan pemilikan hartanah Bumiputera," katanya.

Justeru, beliau mencadangkan



Cadangan menurunkan harga siling rumah mampu milik di bawah RM250,000 akan memberi ruang lebih luas kepada PR1MA menjadi peneraju usaha itu khususnya di luar Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang"

Ahmad Shalimin
Ahmad Shaffie,
Wakil Perak



Malaysia antara negara miliki perumahan awam cekap

Kuala Lumpur: Malaysia antara negara senarai teratas di ASEAN mempunyai program perumahan awam paling cekap.

Ia dicapai menerusi pembinaan rumah mampu milik, membabitkan kira-kira 17,300 unit di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan 3,000 unit Rumah Mesra Rakyat dibangunkan Syarikat Peruma-



Zurainah Musa

han Negara Berhad (SPNB) di seluruh negara.

Program terbaik

Wakil UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Zurainah Musa, berkata berbanding Singapura dan Thailand, program perumahan awam negara ini adalah yang terbaik.

"Misalnya di Singapura, hanya

32,022 rumah dibina Lembaga Pembangunan Perumahan sehingga suku ketiga tahun ini, di Thailand pula hanya 141,863 unit dibina untuk rakyat oleh Lembaga Perumahan Negara antara tempoh 1976 dan 2016.

255,300 rumah kos rendah

"Berbanding di Malaysia, setahun

kerjaan membina 255,300 rumah kos rendah dan rumah mampu milik," katanya ketika membahaskan isu ekonomi, semalam.

Zurainah berkata, projek sedemikian memperlihatkan kesungguhan kerajaan dengan kediaman mampu milik ditawarkan pada harga 20 peratus lebih rendah dari harga semasa.